



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### MESYUARAT DUA HALA YB MENTERI MAFI DAN DELEGASI KE ARAB SAUDI MEMPERKUKUH AGENDA SEKURITI MAKANAN NEGARA

**PUTRAJAYA, 27 Ogos 2022** – YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah mengetuai delegasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menghadiri mesyuarat dua hala ke Arab Saudi mulai 24 hingga 26 August 2022.

Mesyuarat dua hala ke Arab Saudi ini adalah atas undangan H.E. Eng. Abdulrahman A. Alfadley, Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian Arab Saudi sebagai susulan lawatan rasmi beliau bersama delegasi ke Malaysia pada 13 Julai 2022 yang lalu. Lawatan delegasi MAFI ini adalah bertujuan meneruskan rundingan bagi memperkukuh kerjasama dalam sektor pertanian bersama Arab Saudi merentasi pelbagai subsektor agromakanan.

Mesyuarat dua hala ini dimulakan dengan kunjungan hormat ke atas Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian Arab Saudi dan disusuli dengan mesyuarat bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Alam Sekitar, Air dan Pertanian Arab Saudi. Pelbagai usaha strategik kerajaan dengan kerajaan (G2G) secara bilateral turut dibincang secara lanjut bagi mengukuhkan agenda sekuriti makanan kedua-dua buah negara.

Bagi tahun 2021, Malaysia mengeksport hasil dan produk pertanian sebanyak RM2.4 bilion ke Arab Saudi, manakala jumlah import hasil dan produk pertanian Arab Saudi adalah sebanyak RM100 juta. Melihat kepada potensi tersebut, perjumpaan dua hala antara YB Menteri MAFI dengan rakan sejawatnya mampu memperkukuhkan lagi hubungan perdagangan hasil dan produk pertanian antara kedua-dua buah negara.

Pertemuan turut diadakan dengan *Saudi Agricultural and Livestock Investment Company (SALIC)* dan *Saudi Agricultural Development Fund (ADF)* yang masing-masing telah membuka peluang untuk meneroka kolaborasi bersama yang akan membawa manfaat bersama kepada kedua-dua pihak.

Beberapa siri perbincangan lain juga telah diadakan termasuk bersama *Saudi Food and Drug Authority (SFDA)* bagi meningkatkan akses pasaran produk agromakanan negara ke Arab Saudi dan *National Research and Development Center for*

*Sustainable Agriculture* (Estidamah) bagi membincangkan kerjasama teknikal dan penyelidikan pertanian bersama *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (MARDI).

Antara aspek potensi kerjasama yang akan diterokai termasuk R&D bersama, makmal bersama, pertukaran pakar teknikal, pertanian moden, dan perkongsian maklumat teknikal serta teknologi pertanian. Ini bakal menandakan kerjasama penyelidikan pertanian yang pertama untuk MARDI di Arab Saudi.

Kerjasama erat yang terjalin melalui mesyuarat dua hala ini diharap akan terus menyumbang kepada peningkatan jumlah perdagangan dan kerjasama dua hala dalam usaha mengukuhkan agenda sekuriti makanan negara. Ini juga selaras dengan komitmen Kerajaan khususnya dalam usaha menjamin ekosistem sekuriti makanan yang lebih inklusif melalui kerjasama strategik yang komprehensif bagi mempelbagaikan sumber dan rantai bekalan makanan demi kemampuan industri agromakanan negara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
27 OGOS 2022**